



**INSTITUT PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN PERTANIAN MALAYSIA**  
*(Malaysian Agricultural Research and Development Institute)*

**IKLAN JAWATAN KOSONG**

**TARIKH BUKA IKLAN: 30 OKTOBER 2019**

MARDI sebuah Badan Berkanun di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani Malaysia mempelawa warganegara Malaysia berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan yang berkelayakan bagi mengisi kekosongan jawatan berikut :-

**JAWATAN 2**

**: PENOLONG JURUUKUR BAHAN GRED JA29**

**Klasifikasi** : Kejuruteraan (J)

**Kumpulan** : Pelaksana

**Taraf Jawatan** : Tetap/Kontrak (*Contract of Service*)

**Penempatan** : Selangor

**Jadual Gaji** : Gred JA29

**Gaji Minimum**

RM1,549.00

**Gaji Maksimum**

RM5,701.00

**1. Syarat Lantikan** : Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

(a) Sijil dalam bidang ukur bahan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada politeknik tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

*(Gaji permulaan ialah pada Gred JA29: RM1,549.00);  
atau*

(b) Diploma dalam bidang ukur bahan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

*(Gaji permulaan ialah pada Gred JA29: RM1,935.02).*

- 2. Syarat Kelayakan Bahasa Melayu** : Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
- 3. Ringkasan Tugas** : Bertanggungjawab mengendali pelaksanaan skop kerja ukur bahan berhubung pentadbiran kontrak, menyediakan anggaran kos awal, membuat pengukuran kuantiti (*taking off*), menyediakan dokumen tender dan kontrak, menyediakan perakuan bayaran interim, menyediakan arahan perubahan kerja, perakuan akaun dan bayaran muktamad, serta mengemaskini sijil-sijil dan perakuan yang berkaitan bayaran termasuk urusan perkhidmatan perunding.
- 4. Keutamaan kepada calon** : Mempunyai sekurang-kurangnya dua (2) tahun pengalaman dalam bidang ukur bahan.

## CARA MEMOHON:

- i) Semua permohonan hendaklah dibuat secara atas talian melalui Sistem Permohonan Jawatan MARDI (e-jawatan) sepenuhnya dengan melayari <http://ejawatan.mardi.gov.my/>
  - a. Mendaftar di Sistem Permohonan Jawatan MARDI (e-jawatan)
  - b. Memohon jawatan yang berkaitan
- ii) Semua permohonan hendaklah diisi dengan lengkap disertakan salinan dokumen yang diperlukan berserta dengan gambar formal terkini dan berukuran passport (Gambar swafoto/selfie tidak dibenarkan). **Permohonan yang tidak lengkap tidak akan diproses.**
- iii) Pemohon hendaklah mengemukakan maklumat perhubungan (nombor untuk dihubungi dan alamat emel) yang terkini.
- iv) Permohonan yang lewat diterima dan tidak mematuhi syarat yang ditetapkan tidak akan dipertimbangkan. Manakala, calon yang berkelayakan sahaja yang akan dipanggil untuk ditemuduga.
- v) Hanya calon yang layak selepas sesi tapisan sahaja yang akan dipanggil untuk temuduga dan permohonan yang tidak menerima sebarang jawapan selepas **enam (6) bulan** dari tarikh tutup hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.

**TARIKH TUTUP IKLAN : 12 NOVEMBER 2019**

Sebarang pertanyaan boleh menghubungi talian 03-8953 7043/7037

### **Peringatan:**

- i) *Selain daripada syarat dan keutamaan yang dinyatakan di dalam iklan, calon yang memohon juga dikehendaki untuk mematuhi perkara berikut:*
  - a. *Calon adalah sihat untuk berkhidmat;*
  - b. *Tidak mempunyai apa-apa rekod jenayah;*
  - c. *Tidak pernah dibuang kerja;*
  - d. *Bukan penagih dadah;*
  - e. *Tidak memiliki kewarganegaraan asing;*
  - f. *Bukan seorang bankrap;*
  - g. *Tidak dibersarakan atas sebab kesihatan; dan*
  - h. *Tidak pernah ditamatkan perkhidmatan dari perkhidmatan awam.*
- ii) *Calon yang dilantik perlu akur terhadap penempatan/tempat bertugas yang ditentukan dari semasa ke semasa demi kepentingan Institut.*